



"KESEMPURNAAN SYARIAT ISLAM"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُوا ادْخُلُوا فِي
السِّلْمِ كَافَةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُواتِ الشَّيْطَنِ إِنَّهُو
جَنَّ

لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

٢٠٨

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْ صِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT.



Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertaqwa kerana taqwa merupakan penentu tingkat martabat insan disisi Allah SWT. Istiqamahlah kita mengamalkan segala ajaran Allah SWT dan suruhan Rasulullah SAW. Dengan menta'ati segala perintah Allah dan Rasul-Nya, insyaAllah kita akan disayangi oleh Allah SWT dan insyaAllah kita bakal beroleh kejayaan samada di dunia mahupun di akhirat nanti.

Mimbar pada hari ini mahu mengajak para jemaah sekalian memahami maksud "**Kesempurnaan Syariat Islam**".

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Syari'at Islam menurut istilah adalah hukum dan peraturan yang diturunkan atau yang ditetapkan oleh Allah SWT melalui rasul-rasul-Nya yang mulia, supaya dilaksanakan oleh manusia untuk kesejahteraan manusia, makhluk dan alam seluruhnya.

Firman Allah SWT. dalam surah al-Jaathiah ayat 18 :

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَى شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ
أَهْوَاءَ الظِّنَنَ لَا يَعْلَمُونَ



"Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum ugama; maka turutlah syariat itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar) ".

Sebab itu kesempurnaan syariat Islam meliputi keseluruhan ajaran Islam yang terkandung dalamnya urusan aqidah, akhlak dan perundangan.



Para Rasul AS. telah diutuskan oleh Allah SWT kepada manusia dengan tujuan yang jelas iaitu untuk menyempurnakan kehidupan manusia dengan melaksanakan tuntutan syariat Islam sepenuhnya. Contoh teladan untuk mengamalkan segala titah dan peraturan Allah tersebut telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW manakala kita selaku umat Rasulullah SAW hanya perlu mengikutinya. Tiada keraguan, tiada dalih, tiada alasan untuk tidak mengikuti teladan atau qudwah ar-Rasul SAW. Dengar, patuh dan laksanakan. Itulah sifat umat Islam yang menyayangi dan mencintai Rasul SAW.

Rasulullah SAW menyampaikan risalahnya selama 23 tahun. Melalui tempoh tersebut wujudlah pelbagai contoh, teladan, amal, perbuatan, kaedah, peraturan, perjuangan, pengorbanan, cabaran, halangan, penyelesaian masalah serta kejayaan yang dapat dilihat dalam kehidupan Baginda SAW. Satu natijah besar yang terhasil ialah wujudnya ramai peribadi mulia, terdiri daripada para sahabat Baginda yang telah menterjemahkan dan seterusnya melaksanakan segala tarbiyyah Rasulullah SAW dalam kehidupan.

Risalah Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW telah berjaya membina kelompok individu umat Islam yang memahami tujuan hidup yang sebenar. Mereka meyakini bahawa kehidupan di dunia ini merupakan jambatan untuk menuju kepada kehidupan akhirat yang kekal abadi dengan balasan beserta pelbagai nikmat yang kekal buat selama-lamanya. Kesempurnaan syariat Islam telah lengkap di zaman Rasulullah SAW.

Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Ma''idah ayat 3:



اللَّيْوَمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي
وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ...

“...pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu...”.

Pelaksanaan syariat Islam sejak zaman Rasulullah SAW telah diteruskan oleh para sahabat ketika menjadi khalifah. Begitu juga dengan para khalifah kerajaan bani Umayyah, Abbasiyah, Fatimiyah dan Uthmaniyah juga meneruskan pelaksanaan syariat Islam dalam pengurusan pentadbiran negara sehingga berjaya mewujudkan negara yang aman makmur dan diberkati oleh Allah SWT. Kita sebagai umat Islam kini juga bercita-cita untuk melaksanakannya. Semoga Allah SWT memberi kekuatan kepada kita untuk melakukannya dengan baik.

Sidang Jumaat Yang di Rahmati Allah,

Adapun sumber ambilan atau rujukan syariat Islam memang disepakati oleh para ulama datangnya dari al-Quran dan as-Sunnah dengan sumber sokongannya ialah ijma' dan qias. Maknanya kita perlu berpegang teguh dengan sumber ini dalam melaksanakan syariat Islam.

Sesungguhnya tujuan pelaksanaan syariat Islam ialah untuk mewujudkan suasana keadilan, kejujuran, ketelusan, keikhlasan dan ketaqwaan terhadap Allah SWT. Aspek-aspek penting dalam pensyariatan Islam ialah untuk memelihara lima perkara utama iaitu;



1. Menjaga agama,
2. Menjaga diri (nyawa) / jiwa,
3. Menjaga aqal,
4. Menjaga maruah / keturunan dan
5. Menjaga harta.

Dalam erti kata lain ianya disebut sebagai maqasid syariah atau tujuan utama syariat Islam. Mimbar akan menghurai secara ringkas kelima-lima perkara tersebut.

Sidang Jumaat Sekalian,

Pertama : Untuk menjaga Agama.

Contohnya Islam menghukum orang yang murtad dengan hukuman bunuh. Ini bertujuan untuk menjaga ketinggian dan kesucian agama Islam. Segala perkara yang merosakkan agama, aqidah atau pemurtadan yang datangnya dari pelbagai bentuk kemungkaran, kefasadan, kemaksiatan hendaklah dikawal serta dibenteras. Pelbagai aliran pemikiran dan kegiatan yang boleh memesongkan aqidah juga hendaklah dicegah, antaranya aliran pemikiran sekularisme, pluralisme, liberalisme, dan berbagai lagi ajaran sesat yang boleh merosakkan aqidah umat Islam. Semua pihak terutamanya pemerintah perlu melaksanakan kewajipan bagi memastikan urusan agama Islam diletakkan ditempat yang teratas.

Kedua : Untuk menjaga diri (nyawa) atau jiwa.

Contohnya larangan membunuh, hukumnya dibalas bunuh. Ia bertujuan untuk menjaga diri atau jiwa. Islam tidak membenarkan berlakunya sebarang tindakan yang melibatkan pembunuhan atau



bunuh diri, menculik, mengugut, menganiaya, menzalimi, pertumpahan darah atau menyusahkan anggota masyarakat sekeliling yang memang dilarang. Oleh itu hendaklah dilakukan usaha yang boleh mencegah segala perkara tersebut daripada berlaku. Sebarang kegagalan dalam mengawal ketenteraman akan menjadikan negara bakal menghadapi kepayahan yang akhirnya tiadalah keamanan.

Ketiga : Untuk menjaga akal.

Contohnya ialah larangan meminum arak, hukumannya adalah sebat, bertujuan untuk menjaga akal. Akal manusia perlu dijaga dan dipupuk melalui amalan nilai-nilai mulia. Maka hendaklah dijauhi daripada berlakunya pelbagai unsur yang boleh merosak akal dan fikiran. Jangan lakukan kegiatan yang dilarang oleh syariat seperti, menghisap dadah, menghidu gam, meminum arak, berpoya2, dan jauhi hiburan melampau yang melalaikan. Kita perlu mantapkan generasi kini dengan kegiatan yang meningkatkan ilmu dan kefahaman Islam bagi memastikan wujudnya generasi yang berakal cerdas, bijaksana dan berdaya fikir positif dan mampu menjangka keperluan masa depan yang bakal membina dan memajukan negara ke peringkat yang lebih baik.

Keempat : Untuk menjaga maruah dan keturunan.

Contohnya: larangan melakukan zina, hukumannya rejam atau sebat, bertujuan untuk menjaga maruah dan keturunan supaya anak yang dilahirkan adalah sah taraf. Sebarang perkara yang merosakan akhlak, seperti mencabul kehormatan atau yang merendahkan martabat insan mesti dicegah. Elakkan perlakuan yang menyalahi syariat dan tabi'e manusia seperti zina, liwat, khalwat, rogol, curang,



sumbang mahram, lelaki dan perempuan yang bersekudukan tanpa nikah, buang atau bunuh anak, seks bebas, luar tabi'i, membuat fitnah, mengumpat dan sebagainya. Jika tidak dijauhi maka akan berlakulah kacau bilau dalam sistem kemasyarakatan yang membawa kerapuhan dan keruntuhan kepada struktur sosial. Pewujudan keturunan yang baik wajib dipertahan demi menjaga martabat dan karamah insan ke arah melahirkan masyarakat yang beradab dan berakhhlak mulia.

Kelima: Untuk menjaga harta.

Contohnya; hukuman potong tangan bagi orang yang didapati bersalah melakukan kecurian, ia bertujuan untuk menjaga harta. Islam mengajar para penganutnya supaya tidak melakukan perbuatan yang berlawanan dengan syarak, seperti menindas, menipu, merasuh, merampas, merompak, mencuri, memeras, mengugut, mengamalkan riba, menyeleweng, dan lain2. Dalam konteks ini Islam telah meletakkan dasar "al adl wal ihsan". Islam sangat menitikberatkan agar terlaksananya sistem keadilan yang menyeluruh supaya tidak ada mana2 pihak yang teraniaya. Islam amat membenci dan melaknat mereka yang mendapatkan harta dengan cara yang haram.

Melalui penerangan-penerangan yang telah diberikan tadi, ini bermakna kelima-lima perkara tadi wajib dijadikan keutamaan oleh semua pihak; samada masyarakat atau pemerintah untuk dijadikan dasar dalam membangun masyarakat dan negara demi memelihara, menjamin serta memastikan setiap anggota masyarakat mendapat peluang untuk menjalankan kehidupan dengan selesa, aman, nyaman dan tenteram.

Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya' ayat 107 :



وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ



"Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam".

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Kesimpulan dari khutbah hari ini ialah :

1. Umat Islam hendaklah memahami dan mendalami konsep syariah Islam dan Maqasid Syariah dengan betul
2. Umat Islam hendaklah menerima syariah Islam dengan yakin bahawa hukum Islam adalah yang terbaik.
3. Umat Islam hendaklah bersatu mendokong segala usaha untuk melaksanakan syariat Islam di atas muka bumi Allah ini.
4. Para pemimpin disemua peringkat hendaklah bersungguh-sungguh dalam menyelesaikan permasalahan masyarakat menurut hukum-hukum syariat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Oleh itu, kita hendaklah berkeyakinan bahawa pelaksanaan syariat Islam dapat melahirkan keberkatan dan keamanan kepada masyarakat dan negara kita.

أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



فَلَنْقُصْنَ عَلَيْهِمْ بِعِلْمٍ وَمَا كُنَّا غَافِلِينَ



"Kemudian sesungguhnya Kami akan ceritakan kepada mereka (Rasul-rasul dan umat-umatnya), dengan (berdasarkan) pengetahuan (yang meliputi akan apa yang mereka lakukan), dan sememangnya Kami tidak sekali-kali ghaib (bahkan sentiasa mendengar, melihat dan mengetahui akan hal ehwal mereka)".

(al-a'raaf : 7)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلِّونَ عَلٰى النَّبِيِّ حَيَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰةً عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلٰى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللّٰهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللّٰهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ . أَللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ
بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَاغُورِ ، سُلْطَانِ

شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانِ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .
أَللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالْتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ ، تَغْكُو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالُ وَالإِكْرَامُ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبَلِغْ مَقَاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ。

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً。رَبَّنَا إَاتَنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ。عِبَادُ
اللهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَهِمْ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.